



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
(MOTAC)

MEMACU PEMBANGUNAN BINTULU MENERUSI
PEMERKASAAN SINERGI EKONOMI-PELANCONGAN

BINTULU, 24 APRIL 2026 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) hari ini melaksanakan **inisiatif Kampung Angkat MADANI** menerusi penyerahan Kampung Nour Iman di Kuala Tatau, yang diadakan serentak dengan Program Santuni MADANI di Kampung Seberang Jaya. Langkah ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan terhadap pendekatan berpaksikan rakyat menerusi penyelarasan pelbagai agensi, penglibatan akar umbi, dan penyampaian perkhidmatan secara terus di lapangan.

Program tersebut menyaksikan penyertaan pelbagai agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan, termasuk Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sarawak, Jabatan Tanah dan Survei Sarawak, Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA), Jabatan Kerja Raya (JKR) Bintulu, Sarawak Energy, serta wakil pentadbiran tempatan seperti Pejabat Daerah Tatau dan Pejabat Residen. Ini membuktikan pendekatan bersepadu Kerajaan dalam memacu pembangunan komuniti dan meningkatkan taraf hidup penduduk.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, YB Dato Sri Tiong King Sing, menyatakan bahawa inisiatif ini merupakan pelaksanaan di lapangan bagi program Kampung Angkat MADANI, yang dilengkapi dengan inisiatif "**Satu Pemimpin Satu Kampung**". Diperkenalkan pada tahun 2024, program Kampung Angkat MADANI bertujuan merapatkan jurang

pembangunan bandar dan luar bandar menerusi usaha terselaras antara agensi persekutuan dan negeri, dengan fokus kepada penambahbaikan infrastruktur, pemerksaan komuniti, serta kualiti hidup secara keseluruhan.

Di Bintulu, **Kampung Nour Iman telah dipilih sebagai salah satu lokasi Kampung Angkat MADANI di bawah MOTAC**. Beberapa projek utama telah berjaya dilaksanakan, termasuk menaik taraf dewan masyarakat, pemasangan lampu solar, pembinaan platform tinjau (viewing platform), dan kerja-kerja penambahbaikan saluran. Inisiatif ini bukan sahaja menambah baik persekitaran hidup penduduk setempat, malah memberi manfaat kepada komuniti sekitar termasuk Kampung Seberang Jaya.

YB Dato Sri Tiong menegaskan bahawa pembangunan komuniti harus melangkaui infrastruktur fizikal dan perlu disokong oleh pemerksaan ekonomi serta pengaktifan budaya bagi menjamin kelestarian jangka panjang. Selaras dengan itu, **MOTAC terus memperkukuh integrasi pelancongan berasaskan komuniti dengan pembangunan ekonomi tempatan**.

Antara fokus utama adalah promosi Pengalaman *Homestay* Kampung, yang menukarkan gaya hidup tempatan, warisan budaya, dan aset semula jadi kepada produk pelancongan yang imersif. Menerusi latihan berstruktur, pembangunan produk, dan sokongan pemasaran, komuniti diperkasakan untuk terlibat secara langsung dalam sektor pelancongan, sekali gus membolehkan pelawat merasai pengalaman kehidupan tempatan yang autentik.

Tambah beliau, MOTAC telah aktif memperluaskan rangkaian *homestay* kampung dan rumah panjang di seluruh negara dengan meningkatkan piawaian perkhidmatan, memperkukuh keterlihatan digital, serta mengintegrasikan tawaran ini ke dalam pakej pelancongan dan program perayaan yang lebih luas. Ini bukan sahaja memperkayakan pengalaman pelancong, malah menyediakan peluang pendapatan mampan bagi komuniti luar bandar.

“Pelancongan bukan sekadar membangunkan destinasi. Ia adalah mengenai memastikan komuniti menjadi peserta dan penerima manfaat. Hanya apabila aktiviti ekonomi beredar di dalam komuniti, barulah pembangunan itu bermakna dan mampan,” ujar beliau.

Selain itu, dengan sokongan Kraftangan Malaysia, penduduk tempatan telah dilengkapi dengan kemahiran seperti pembuatan batik linut, kerja manik, dan anyaman. Produk-produk ini dipromosikan lagi melalui platform simulasi perniagaan berasaskan komuniti, sekali gus mewujudkan aliran pendapatan tambahan dan memperkukuh asas ekonomi tempatan.

Program tersebut turut merangkumi aktiviti gotong-royong dan pengindahan kampung yang melibatkan penduduk, agensi kerajaan, serta Rejimen Sempadan ke-7 (Kem Kidurong), yang mencerminkan semangat kemasyarakatan dan kerjasama yang erat. Lukisan mural oleh Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) turut menambah tarikan budaya dan visual kampung tersebut, yang berpotensi menjadi tarikan pelancongan baharu.

Sebagai sebahagian daripada Program Santuni MADANI yang berlangsung serentak, pasukan Kerajaan telah menyantuni penduduk Kampung Seberang Jaya secara terus untuk mendengar maklum balas dan menangani isu tempatan. Semua isu yang dibangkitkan akan disalurkan kepada agensi berkaitan untuk tindakan susulan, mencerminkan pendekatan tadbir urus yang mengutamakan responsif, akauntabiliti, dan penyampaian.

YB Dato Sri Tiong juga turut menyatakan bahawa model pembangunan berpaksikan komuniti ini sejajar dengan objektif lebih luas Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026). Dengan memperkukuh penyertaan komuniti dan meningkatkan kapasiti perkhidmatan, inisiatif sebegini secara berkesan dapat memacu ketibaan pelancong, merangsang perbelanjaan, dan mewujudkan peluang ekonomi yang bermakna bagi PKS serta komuniti akar umbi.

Beliau menambah, dalam mendepani ketidaktentuan ekonomi global, adalah penting untuk mempercepat integrasi pembangunan komuniti dengan sektor pelancongan bagi merangsang permintaan domestik, meningkatkan daya tahan, serta mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara.

YB Dato Sri Tiong turut merakamkan penghargaan kepada semua agensi yang terlibat atas sokongan padu mereka dan menegaskan bahawa MOTAC akan terus bekerjasama merentas agensi bagi memastikan dasar-dasar kerajaan dilaksanakan dengan berkesan di peringkat akar umbi demi manfaat nyata kepada rakyat.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-8891 7181

Website: www.motac.gov.my Email: group.ukk@motac.gov.my

Facebook, Instagram, X & TikTok: @mymotac

